



# Soal Jawab tentang Peraturan Penangkapan Ikan di Pulau Christmas

## FACTSHEET

### Apakah peraturan yang digunakan sekarang?

Peraturan penangkapan ikan Australia Barat (WA) sudah pun dikuatkuasakan di Pulau Christmas (CI) tetapi tidak disesuaikan khas bagi kawasan CI yang unik.

### Mengapakah terdapat cadangan untuk mengubah peraturan yang digunakan sekarang?

Persekitaran, nilai komuniti dan keperluan budaya yang unik di CI penting diambil kira dalam peraturan baharu yang dicadangkan ini, sambil memastikan terdapat tahap perlindungan yang secukupnya supaya stok ikan tidak kehabisan bagi generasi penduduk CI pada masa ini dan masa depan.

### Apakah kajian dan penyelidikan yang telah dijalankan?

Kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan WA bermula pada tahun 2007 dan merangkumi tinjauan visual di bawah permukaan laut, tinjauan video berumpun di bawah permukaan laut dari jarak jauh, tinjauan alam sekitar, pensampelan biologi dan komposisi tangkapan, penerima satelit dan eDNA (DNA alam sekitar yang diperolehi daripada sampel). Kajian telah meneliti komposisi, taburan dan kelimpahan spesies, dan sama ada stoknya bergantung pada populasi setempat ataupun pengambilan berkala dari tempat lain. Maklumat ini digunakan untuk membuat keputusan pengurusan yang termaklum. Apabila lebih banyak maklumat dikutip dan terbukti bahawa stok ikan telah berubah kelak, peraturan baharu yang dicadangkan ini boleh dipinda.

### Bagaimanakah perbandingan antara peraturan baharu ini dengan peraturan WA?

Jika dibandingkan dengan peraturan WA, peraturan baharu yang dicadangkan bagi CI ini kurang terbatas. Had tangkapan dikira bagi setiap orang, setiap hari, setakat 20 ikan bersirip (pelagik, dasar laut) dan empat ekor udang karang. Peraturan yang dicadangkan bagi CI lebih longgar daripada peraturan WA yang digunakan sekarang, contohnya:

Peraturan	WA (sekarang)	CI (dicadangkan)
Had tangkapan campuran spesies dasar laut	2 (Pantai Barat)	16
Had tangkapan campuran spesies pelagik	3	4

Lesen perikanan rekreasi	5 kategori	0
Had saiz dikenakan	Ya	Tidak

## Adakah saya dibenarkan melembing ikan?

Ya, tetapi tidak dengan udara mampat atau kelengkapan pernafasan, mahupun di Flying Fish Cove. Cara ini menyokong keselamatan komuniti dan mencerminkan peraturan Jabatan Pengangkutan.

## Adakah perlindungan diberikan bagi haiwan krustasea?

Ya, ikan yang pada amnya dianggap menghadapi risiko yang lebih tinggi (disebabkan faktor biologi, sejarah, pergerakan atau tekanan penangkapan ikan) akan dikenakan had tangkapan harian yang lebih tegas ataupun disenaraikan sebagai terlindung sepenuhnya. Haiwan krustasea yang boleh membiak, termasuklah ketam betina dan udang karang betina yang membawa telur atau benih telur di bawah badannya, terlindung sepenuhnya.

## Adakah peraturan baharu ini berkuat kuasa selama-lamanya?

Tidak, kami menjangka bahawa peraturan ini akan berubah selepas beberapa lama. Nilai-nilai komuniti, keadaan alam sekitar dan stok ikan mungkin berubah mengikut peredaran masa. Dengan berlakunya perubahan ini, kaedah pengurusan perlu disesuaikan.


Tumpuan utama tetap sama, iaitu stok ikan di CI diuruskan dengan cara yang dapat dilanjutkan bagi generasi penduduk CI pada masa ini dan masa depan. Kerajaan Australia dan Jabatan Perikanan WA sangat menyokong penglibatan kerajaan dan ilmu sains warga penduduk dalam usaha pengutipan bukti untuk menyokong penyemakan peraturan serta keberkesanan sehingga masa depan.

## Mengapakah had dicadangkan bagi apa yang boleh saya ambil daripada CI?

Disebabkan habitat CI yang terpencil dan terhad, ikan di sini pada amnya lebih berisiko kehabisan stok. Hal ini khususnya benar bagi ikan terumbu dasar laut yang hidup di terumbu karang pinggir sekitar CI. Ikan di sini bergantung pada populasi setempat untuk membiak. Tumpuan kaedah pengurusan perikanan di CI adalah untuk memastikan kelestarian stok pada masa depan bagi penduduk CI. Untuk mencapai matlamat ini, kuantiti maksimum ikan yang dicadangkan, yang dibenarkan ada pada seseorang di kawasan Lapangan Terbang CI ialah lima kilogram.

## Apakah perundingan komuniti yang telah diadakan untuk menyusun dan menganjurkan peraturan ini?

Selepas penilaian pertama dibuat tentang amalan penangkapan ikan rekreasi di CI, serta spesies yang menghadapi risiko terlebih dieksploitasi, Jabatan Perikanan WA mengeluarkan draf strategi pengurusan pada tahun 2007. Kesedaran tentang strategi itu dan kaedah pengurusan di CI disokong dengan mesyuarat selanjutnya bersama komuniti, mesyuarat peringkat shire, sesi penerangan awam



dan pengedaran panduan penangkapan ikan rekreasi yang dicadangkan. Sungguhpun perundingan sudah pun berlangsung buat beberapa ketika, namun Kerajaan Australia memberikan komitmen terhadap pusingan perundingan awam selanjutnya ini dan akan terus mendengar serta berusaha seiring dengan komuniti.

## Bagaimana kalau saya ingin bertanya lagi?

Sila hubungi Jabatan Perikanan WA (sebahagian daripada Jabatan Industri Utama dan Pembangunan Regional WA) melalui alamat e-mel [IndianOceanTerritories@dpird.wa.gov.au](mailto:IndianOceanTerritories@dpird.wa.gov.au) atau Jabatan Infrastruktur, Pembangunan Regional dan Bandar Raya melalui alamat e-mel [IndianOceanTerritories@infrastructure.gov.au](mailto:IndianOceanTerritories@infrastructure.gov.au)